

19 AUG 1998

Mahathir-Animasi

K'JAAN AKAN BIAYAI PENGAJIAN BIDANG ANIMASI, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 19 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata kerajaan akan terus membiayai pengajian mereka yang berminat dan berbakat dalam bidang animasi di luar negara.

Katanya, walaupun pembiayaan pengajian di luar negara tidak digalakkan dalam masa kegawatan ekonomi ini, kerajaan akan memberi pengecualian dalam bidang animasi yang masih baru di negara ini.

"Terpulang kepada yang berminat untuk mencuba meningkatkan keupayaan mereka dalam bidang ini, dan dengan itu dapat menyumbang kepada industri baru ini," kata beliau ketika berucap sebelum menyaksikan tayangan perdana filem animasi pertama negara "Silat Legenda" di Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini hari ini.

Filem bercorak futuristik keluaran Peninsula Pictures Sdn Bhd itu mengisahkan lima sekawan yang menjadi pahlawan silat pada abad ke-21, menentang penjahat yang wujud sejak zaman kesultanan Melaka.

Dr Mahathir berkata rakyat Malaysia mampu menerokai bidang berteknologi tinggi dan baru sekiranya mereka benar-benar berusaha.

Mengenai filem animasi tempatan, Perdana Menteri berkata walaupun karya yang dihasilkan orang tempatan belum berupaya menandingi karya filem-filem Disney atau Warner Bros., percubaan yang berkali-kali akhirnya akan membuahkan hasil.

"Saya yakin, kalau kita berusaha berulang-kali, kita akan dapat meningkatkan mutu. Ini anugerah Tuhan kepada manusia...kalau kita buat sesuatu berulang-ulang, sudah tentu lama-kelamaan kita cekap," katanya.

Dr Mahathir turut menyatakan rasa bangganya kepada penghasilan filem animasi pertama Malaysia "Silat Legenda" yang jalan ceritanya berkait dengan kisah sejarah Melayu itu.

Katanya, seperti yang pernah diucapkan pahlawan Melayu Hang Tuah bahawa "tidak Melayu hilang di dunia", filem itu juga menunjukkan bahawa orang Melayu mampu setanding dalam industri animasi.

"Yang jelas, kita (Melayu) belum hilang di dunia dan diharap tidak akan hilang dan terus maju," katanya.

Filem "Silat Legenda" dihasilkan dalam masa tiga tahun menggunakan lebih 100 tenaga animator tempatan, dengan skrip, rancangan produksi, reka bentuk, sokongan kewangan dan pasca produksinya juga hasil anak tempatan.

Antara mereka yang menyumbangkan suara untuk watak dalam filem itu ialah pelakon Noor Kumalasari, pelakon veteran Karim Latif dan M.Amin, pengarah Hafsham dan pelawak Hamid Gurkha.

Tayangannya di seluruh negara akan bermula 27 Ogos.

Pada majlis tayangan perdana hari ini, Dr Mahathir turut menerima sumbangan RM150,000 daripada Peninsula Pictures, Kelab Automotif Perodua Malaysia dan Moccis Trading Sdn Bhd bagi Dana Khas Negara.

Yang turut hadir menyaksikan filem itu ialah Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

-- BERNAMA

RAZ NMO